



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI SELANGOR**

DOKUMEN SEBUT HARGA

PEROLEHAN:

**SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR ASET LOGISTIK DAN
OPERASI BENCANA, UNIT PENGURUSAN
BENCANA NEGERI SELANGOR, BAHAGIAN
KHIDMAT PENGURUSAN SELANGOR**

NO. SEBUT HARGA: SH / SUKSEL / 36-2026

Pembekal :
(Cop Pembekal)

HARGA DOKUMEN : RM30.00

TARIKH BUKA : 24 September 2026 (Khamis)

TARIKH TUTUP : 30 September 2026 (Rabu) sebelum jam 12.00
Tengah Hari

URUS SETIA PEROLEHAN

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**UNIT PENTADBIRAN AM BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
TINGKAT 18**

BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

40503 SHAH ALAM

SELANGOR DARUL EHSAN.

www.selangor.gov.my

NO.

**SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR
ASET LOGISTIK DAN OPERASI BENCANA, UNIT
PENGURUSAN BENCANA NEGERI SELANGOR,
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN SELANGOR**

NO. SEBUT HARGA: SH / SUKSEL / 36-2026

KANDUNGAN

1	-	NOTIS SEBUT HARGA
	-	LAMPIRAN Q (BORANG SEBUT HARGA & SYARAT AM)
	-	ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA
	-	SENARAI SEMAK SEBUT HARGA
2	-	KENYATAAN SEBUT HARGA
	-	SYARAT-SYARAT, ARAHAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN SEBUT HARGA:
	-	SYARAT-SYARAT AM/ ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA/ SYARAT-SYARAT KHAS
	-	ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA
3	-	JADUAL 1 : JADUAL SPESIFIKASI
4	-	JADUAL 2 : JADUAL TAWARAN HARGA
5	-	JADUAL 3 : JADUAL PENGALAMAN PEMBEKAL
6	-	PROFIL PENYEBUTHARGA
7	-	SURAT AKUAN PEMBIDA
8	-	LAMPIRAN 1: SALINAN SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT DARI KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
9	-	LAMPIRAN 2: SALINAN SIJIL AKUAN BUMIPUTERA DARI KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
10	-	LAMPIRAN 3: SALINAN SIJIL SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)
11	-	LAMPIRAN 4: SALINAN SIJIL/PENGESAHAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR DALAM SISTEM TENDER ONLINE SELANGOR (STOS)
12	-	LAMPIRAN 5: RESIT PEMBELIAN DOKUMEN SEBUT HARGA MELALUI STOS
13	-	LAMPIRAN 6: SALINAN PENYATA BULANAN AKAUN BANK BAGI TIGA (3) BULAN TERAKHIR
14	-	LAMPIRAN 7: SALINAN SURAT PENDAFTARAN CUKAI JUALAN & PERKHIDMATAN (CJP) / SALES & SERVICE TAX (SST) (JIKA BERDAFTAR)

**SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR
ASET LOGISTIK DAN OPERASI BENCANA, UNIT
PENGURUSAN BENCANA NEGERI SELANGOR,
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN SELANGOR**

NO. SEBUT HARGA: SH / SUKSEL / 36-2026

-
- 1 : - NOTIS SEBUT HARGA**
- LAMPIRAN Q
(BORANG SEBUT
HARGA & SYARAT AM)**
 - ARAHAN KEPADA
PENYEBUTHARGA**
 - SENARAI SEMAK
SEBUT HARGA**
-

NOTIS SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang masih dibenarkan membuat tawaran masa ini adalah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) serta berpengalaman dalam kerja-kerja berkaitan seperti berikut:-

Bil.	No. Sebut Harga	Butir-Butir Kenyataan Tawaran Sebut harga	Kelayakan Penyebutharga	Syarat-Syarat Penyebutharga	Harga
1.	SH/SUK SEL/ 36-2026	SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR ASET LOGISTIK DAN OPERASI BENCANA, UNIT PENGURUSAN BENCANA NEGERI SELANGOR, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN SELANGOR	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) 020301; atau 020302; dan 020804; dan 140203; dan 120401	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Berdaftar dengan Kerajaan Negeri Selangor (melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri)	RM30.00

1. Dokumen tawaran ini hanya ditawarkan kepada penyebutharga yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Kerajaan Negeri Selangor melalui **Sistem Tender Online Selangor**. Dokumen tawaran yang berharga RM30.00 bagi satu (1) set boleh diperolehi melalui laman sesawang <http://tender.selangor.my> mulai **24 September 2026 hingga 30 September 2026**.
2. Penyebutharga hendaklah menghantar **dokumen sebut harga** yang telah lengkap diisi berpandukan **Syarat-Syarat Sebut Harga** dan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri yang bertanda dengan **Kod Sebut Harga** bagi tawaran kerja yang berkenaan. Kedua-duanya hendaklah diikat dan dimasukkan ke dalam; dan

dikembalikan ke alamat:

Peti Sebut Harga
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Bahagian Khidmat Pengurusan
Tingkat 18
Bangunan Sultan Sallahuiddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam
Selangor.

Tarikh tutup: **30 September 2026 (Rabu)** sebelum jam 12.00 tengah hari.

3. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor tidak semestinya menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

Tarikh: 24 September 2026


MUHAMMAD HANAFI BIN AHMAD, S.I.S
Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan

LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)

No. Sebut Harga : SH/SUKSEL/36-2026

(Kew.284-Pin. 5/94)

KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI SELANGOR

SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah ditafsirkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat)

Pelawaan sebut harga
dikeluarkan oleh Jabatan
(Alamat Lengkap)

**Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Selangor, Bahagian
Khidmat Pengurusan, Tingkat 18,
Bangunan SSAAS,
40503 Shah Alam, Selangor.**

No. Telefon: _____

No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan: _____

No. Telefon: **03 - 5544 7070**

Kod Bidang Pendaftaran yang relevan dengan
pembelian ini:
**020301; atau 020302; dan 020804; dan 140203;
dan 120401.**

Tarikh:

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan /perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

- 1.1 Syarat Penyerahan/Penyempurnaan **Seperti dinyatakan di dalam Jadual 1:
Jadual Spesifikasi**
- 1.2 Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan dikehendaki **Berdasarkan tempoh serahan yang
ditetapkan dalam Pesanan Kerajaan**
- 1.3 Alamat Pengiriman **Peti Sebut Harga, Pejabat SUK Selangor, Bahagian Khidmat
Pengurusan, Tingkat 18, Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam.**
- 1.4 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul surat berlakri dan bertanda: **No. Sebut Harga SH/SUKSEL/36-2026**
- 1.5 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari **30 September 2026**
- 1.6 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90 hari** selepas tarikh tutup.

Tarikh: 22 September 2026

Tandatangan:

Nama Pegawai: MUHAMMAD HANAFI BIN AHMAD, S.I.S
Jawatan: SETIAUSAHA BAHAGIAN
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Bil.	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebut Harga	
	SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR ASET LOGISTIK DAN OPERASI BENCANA, UNIT PENGURUSAN BENCANA NEGERI SELANGOR, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN (Termasuk kerja-kerja yang dinyatakan di dalam JADUAL 1 – Jadual Spesifikasi) Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan				
JUMLAH					
SST 8% (JIKA ADA)					
JUMLAH BESAR					

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
(ii) Tempoh penyerahan/penyempurnaan ialah _____ / 4 minggu.

Saya/Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan barang-barang/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
Penyebut Harga :

Nama dan K/P :

Alamat Syarikat :

Tarikh:

Mustahak – Lihat Syarat-Syarat Am Di Belakang

**DOKUMEN SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR ASET
LOGISTIK DAN OPERASI BENCANA, UNIT PENGURUSAN BENCANA
NEGERI SELANGOR, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN NO.
SEBUT HARGA: SH/SUKSEL/36-2026**

KANDUNGAN

1.	KENYATAAN SEBUT HARGA	8
	- TUJUAN SEBUT HARGA	
	- TEMPOH SEBUT HARGA	
2.	SYARAT-SYARAT, ARAHAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN SEBUT HARGA	8 - 12
	- SYARAT-SYARAT AM	
	- ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA	
	- SYARAT-SYARAT KHAS	
3.	ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA	13 - 28

1. KENYATAAN SEBUT HARGA

Semua penyebut harga hendaklah mematuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam dokumen pelawaan ini, melainkan setakat mana syarat-syarat tersebut ditolak atau diubah oleh pihak Kerajaan.

1.1 TUJUAN SEBUT HARGA

- (a) Pelawaan sebut harga ini adalah untuk mendapatkan Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Aset Logistik dan Operasi Bencana, Unit Pengurusan Bencana Negeri, Bahagian Khidmat Pengurusan.
- (b) Tawaran sebut harga ini adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan tempoh pendaftarannya masih berkuat kuasa di bawah kod bidang **020301; atau 020302; dan 020804; dan 140203; dan 120401.**
- (c) Perolehan perkhidmatan ini dibuat secara Sebut Harga.

1.2 TEMPOH SEBUT HARGA

- (a) Tempoh sebut harga bagi perkhidmatan ini adalah selama 90 hari kalendar bermula pada **24 September 2026** dan tarikh tutup sebut harga adalah pada **30 September 2026**. Penyebutharga dikehendaki berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Kerajaan Negeri Selangor. Pendaftaran adalah melalui Sistem Tender Online Selangor (<https://tender.selangor.my>).
- (b) Dokumen Tawaran Kewangan dan Tawaran Teknikal hendaklah dihantar secara fizikal sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup sebut harga. Cadangan Sebut Harga yang dikemukakan selepas jam 12.00 tengah hari tidak akan dipertimbangkan.
- (c) Walau bagaimanapun, Kerajaan berhak untuk membatalkan sebut harga ini pada bila-bila masa sekiranya perlu dan tidak terikat untuk memberi sebarang sebab atau penjelasan. Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak penyebut harga kerana urusan sebut harga ini adalah menjadi tanggungjawab pihak penyebut harga dan Jabatan ini tidak akan bertanggungjawab terhadap perkara tersebut.

2. SYARAT-SYARAT, ARAHAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN SEBUT HARGA SYARAT-SYARAT AM

3.1 SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

(i) KEADAAN BARANG

Semua barang hendaklah tulen, baharu dan belum digunakan.

(ii) PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/ perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

(iii) BARANG-BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang-barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

(iv) BARANG-BARANG EX-STOCK ATAU BARANG MALAYSIA

- (a) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- (b) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penyebut harga dan segala kos yang terlibat ditanggung oleh penyebut harga.

(v) BARANG-BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

- (a) Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak dibungkus.
- (b) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- (c) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga dan segala kos yang terlibat ditanggung oleh penyebut harga.

(vi) TAWARAN PENYEBUT HARGA

- (a) Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.
- (b) Penyebut harga dibenarkan untuk menawarkan harga untuk semua zon/negeri, sebahagian zon/negeri atau satu zon/negeri sahaja jika pelawaan adalah mengikut zon/negeri. Setiap tawaran bagi setiap zon/negeri akan dianggap sebagai tawaran berasingan.

(vii) HARGA

- (a) Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan; atau
- (b) Bagi perolehan yang melibatkan barangan import:
 - 1) Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos/fe tambahan yang berkaitan. Sah laku tawaran adalah selama 90 hari dari tarikh tutup. Sebarang tuntutan

kenaikan harga dalam jangka masa sah laku tawaran tidak dipertimbangkan dan tawaran penyebut harga boleh ditolak; dan

- 2) Bagi perolehan bernilai kurang daripada RM500 ribu, harga yang ditawarkan hendaklah berdasarkan kaedah Cost, Insurance and Freight (CIF) atau kaedah lain yang seumpamanya di dalam Incoterms oleh International Chamber of Commerce (ICC) di mana penyebut harga bertanggungjawab menguruskan pengangkutan/penghantaran daripada kilang terus kepada tempat penerimaan yang ditetapkan agensi (door- to-door delivery). Harga yang ditawarkan hendaklah termasuk semua diskaun, kos tambahan yang berkaitan, kos pengangkutan dan kos perlindungan insurans termasuk fi berkaitan.

(viii) PERUBAHAN DAN PELANJUTAN TEMPOH KONTRAK (JIKA BERKAITAN)

Pelawaan sebut harga ini boleh dipertimbangkan perubahan dan pelanjutan tempoh kontrak tidak melebihi 50% daripada nilai kontrak asal dan/atau maksimum dua (2) tahun tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa.

(ix) CUKAI

- (a) Semua tawaran harga oleh penyebut harga hendaklah dikemukakan dengan dinyatakan harga tawaran perkhidmatan tanpa Cukai Jualan atau Cukai Perkhidmatan (CJCP). Sekiranya bekalan atau perkhidmatan tersebut termasuk dalam senarai yang dikenakan CJCP dan penyebut harga yang berjaya adalah syarikat berdaftar CJCP dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), maka Agensi Kerajaan perlu menawarkan nilai kontrak termasuk kenaan CJCP.
- (b) Penyebut harga hendaklah memaklumkan Agensi supaya CJCP boleh dibayar oleh Kerajaan. Kegagalan atau kelewatan penyebut harga untuk memaklumkan kepada Kerajaan mengenai status Pendaftaran CJCP dengan JKDM akan menyebabkan penyebut harga perlu menanggung CJCP dan tidak layak menuntut apa-apa bayaran daripada Kerajaan melalui kontrak yang dimeterai.

(x) INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang atau perkhidmatan dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

(xi) MATA WANG

Tawaran harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

(xii) PERSETUJUAN PENERIMAAN TAWARAN

- (a) Kerajaan tidak terikat untuk menyetujui terima tawaran sebut harga yang terendah atau mana-mana tawaran sebut harga. Kerajaan berhak untuk memilih keseluruhan atau sebahagian tawaran sebut harga daripada mana-mana penyebut harga yang menyertai sebut harga.

- (b) Kerajaan berhak untuk mengadakan perbincangan/rundingan lanjut dengan penyebut harga yang disenarai pendek berhubung dengan terma-terma tertentu untuk tawaran yang akan disetujui terima. Hak Kerajaan untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat Kerajaan menyetujui terima keputusan rundingan.
- (c) Kerajaan juga berhak untuk mengadakan bidaan di kalangan penyebut harga yang disenarai pendek untuk tawaran yang akan disetujui terima.
- (d) Kerajaan boleh, pada bila-bila masa, meminta penyebut harga untuk mengemukakan maklumat lanjut/dokumen tambahan yang diperlukan/berkaitan dengan dokumen tawaran sebut harga yang dikemukakan (sekiranya perlu).
- (e) Tindakan tatatertib boleh diambil oleh Kerajaan terhadap penyebut harga yang menarik balik tawaran sebelum tawaran dipertimbangkan atau penyebut harga yang menolak tawaran setelah SST dikeluarkan oleh Kerajaan atau penyebut harga tidak membekal atau memberi perkhidmatan setelah mengembalikan SST yang telah ditandatangani atau kesalahan lain seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan/Perolehan Kerajaan (PP/PK) 8: Tindakan Tatatertib Ke Atas Syarikat Dalam Perolehan Kerajaan pada perenggan 1(i)(b).

(xiii) PENGIKLANAN DAN PUBLISITI

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Kerajaan terlebih dahulu.

(xiv) BON PELAKSANAAN

- (a) Bagi kontrak bekalan/perkhidmatan, penyebut harga yang Berjaya hendaklah mengembalikan SST yang telah lengkap diisi dan ditandatangani beserta Bon Pelaksanaan dalam tempoh yang ditetapkan yang nilainya adalah seperti berikut:-
 - (1) 2.5% daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM200,000.00 hingga RM500,000.00; atau
 - (2) 5% daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM500,000.00.
 - (3) Bagi kontrak bermasa yang berkuat kuasa dalam tempoh dua (2) tahun atau lebih, peratus dan pengiraan nilai Bon Pelaksanaan hendaklah dikira mengikut anggaran harga kontrak setahun sahaja. Jika setelah dibahagikan mengikut setahun, nilai harga kontrak adalah kurang daripada RM200,000.00, maka kadar 2.5% hendaklah dikenakan. Walau bagaimanapun, Bon Pelaksanaan yang dikemukakan oleh penyebut harga hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak bersama.
 - (4) Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dari bank-bank atau institusi-institusi kewangan yang dibenarkan oleh Kementerian Kewangan sama ada dalam bentuk;

- (5) Tempoh sah laku jaminan tersebut hendaklah dari tarikh ianya dikeluarkan sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak atau selepas obligasi terakhir, mengikut mana yang terkemudian.
- (6) Bon pelaksanaan perlu dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan sepertimana yang dinyatakan dalam SST.

(xv) TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

(xvi) PEMERIKSAAN

- (a) Kerajaan sentiasa berhak melantik seorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut kepada pihak Kerajaan. Agensi adalah bertanggungjawab memastikan bekalan yang diterima adalah sama/lebih baik seperti spesifikasi pada kontrak/pesanan. Jika terdapat kerosakan/kekurangan, penyebut harga hendaklah menggantikan jumlah yang rosak/kurang itu dalam tempoh yang ditetapkan dalam kontrak yang dimeterai tanpa sebarang tambahan kos.
- (b) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki oleh pihak Kerajaan.
- (c) Perbelanjaan untuk memeriksa dan menguji ini hendaklah ditanggung oleh penyebut harga.

(xvii) PENOLAKAN BARANG/ PERKHIDMATAN

- (a) Bekalan/perkhidmatan yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan/ perkhidmatan yang telah dipersetujui dalam tawaran penyebut harga boleh ditolak oleh pihak Kerajaan.
- (b) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan bekalan/perkhidmatan yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu.
- (c) Perkara di perenggan (a) dan (b) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan Negeri untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

(xviii) KUANTITI TAWARAN/KUANTITI TAMBAHAN

Kerajaan boleh memesan kuantiti tambahan dalam tempoh kontrak dari tarikh kontrak ditandatangani dan penyebut harga hendaklah membekalkannya dengan harga yang sama.

3.2 ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

Arahan kepada penyebut harga ini dalam mana mempengaruhi pelaksanaan kontrak hendaklah menjadi sebahagian daripada kontrak.

(i) PENYEDIAAN DAN PENYERAHAN CADANGAN TAWARAN

- (a) Penyebut harga hendaklah mengisi dengan lengkap cadangan tawaran dan menyerahkan semua dokumen sokongan serta lampiran wajib yang disenaraikan dalam dokumen tawaran. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga **SH/SUKSEL/36-2026** serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga sebelum tarikh dan waktu tutup pelawaan sebut harga. Kegagalan mematuhi syarat ini boleh menyebabkan tawaran ditolak.
- (b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, penyebut harga hendaklah menghantar dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- (c) Penyebut harga adalah dilarang menulis, mencatatkan dan meletakkan cop nama/tanda syarikat di dalam dokumen sokongan/lampiran pada dokumen teknikal yang dikemukakan. Sekiranya berbuat demikian, cadangan tawaran tidak akan dipertimbangkan dan akan ditolak.
- (d) Semua dokumen yang diserahkan oleh penyebut harga termasuk manual teknikal hendaklah dalam Bahasa Malaysia. Pembetulan dan pindaan boleh dibuat ke atas cadangan tawaran dan dikemaskini sebelum tarikh dan masa tutup pelawaan. Penyebut harga hanya dibenarkan menghantar SATU (1) tawaran sahaja bagi cadangan yang ditawarkan. Tawaran alternatif adalah tidak dibenarkan.
- (e) Bagi tawaran yang memerlukan penghantaran sampel produk, penyebut harga hendaklah memastikan ianya dihantar sebelum tarikh tutup.
- (f) Kerajaan akan membuat pemberitahuan kepada penyebut harga sekiranya terdapat apa-apa notis atau pindaan (addendum) berkaitan pelawaan ini melalui medium pengiklanan asal. Setiap notis atau pindaan (addendum) yang dilakukan akan diberi notis kepada penyebut harga dan menjadi sebahagian daripada dokumen tawaran.

(ii) PERBELANJAAN PENYEDIAAN CADANGAN TAWARAN

Semua perbelanjaan bagi penyediaan cadangan tawaran ini hendaklah ditanggung oleh penyebut harga sendiri.

(iii) TEMPOH SAH LAKU TAWARAN

Tempoh sah laku tawaran adalah selama 90 hari daripada tarikh tutup sebut harga sebagaimana yang ditetapkan dalam notis pelawaan. Penyebut harga yang telah menyerahkan cadangan tawaran tidak dibenarkan menarik diri dalam tempoh tersebut.

(iv) TAWARAN PILIHAN

Setiap penyebut harga tidak dibenarkan membuat tawaran pilihan (*alternative offer*) bagi mana-mana butiran yang telah dihantar. Jika terdapat tawaran pilihan, Kerajaan berhak menolak kesemua tawaran yang dikemukakan.

(v) PEMBATALAN PELAWAAN

Kerajaan berhak untuk membatalkan mana-mana pelawaan yang telah diiklankan pada bila-bila masa. Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak penyebut harga kerana pembatalan ini adalah menjadi tanggungjawab pihak penyebut harga.

(vi) PEMBERITAHUAN PENERIMAAN

- (a) Pemberitahuan kepada penyebut harga yang berjaya mendapat tawaran Kerajaan akan dibuat melalui pengeluaran Surat Setuju Terima (SST).
- (b) Surat berkenaan mungkin mengandungi apa-apa syarat atau pindaan tambahan kepada syarat yang disertakan pada dokumen ini dan jika demikian, tawaran ini tidak boleh dianggap sebagai telah dipersetujui melainkan pengesahan bertulis daripada penyebut harga tentang persetujuannya terhadap syarat/pindaan tambahan itu diterima.
- (c) Apabila dipersetujui, kontrak dianggap sebagai telah dibuat antara Kerajaan dengan penyebut harga itu menurut syarat yang disertakan (termasuk syarat tambahan dan pindaan) dan tiada perjanjian atau syarat lain dianggap sebagai telah dimasukkan ke dalam kontrak ini.

(vii) TEMPOH KONTRAK

Tempoh kontrak adalah **Empat (4) Minggu**.

(viii) PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- (a) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.
- (b) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat SPRM atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.
- (c) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan penyebut harga atau penyebut harga boleh diambil tindakan sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah di bawah Akta SPRM 2009.

- (d) Mana-mana penyebut harga atau penyebut harga yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini, walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi, dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.

(ix) INTEGRITI DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

- (a) Perkara ini adalah merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan/ Perolehan Kerajaan melalui PP/PK 1.6: Integriti Dalam Perolehan Kerajaan.
- (b) Kesemua penyebut harga yang menghantar dokumen hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida (nama penandatanganan akuan hendaklah seperti mana yang disenaraikan dalam Modul Pendaftaran Pembida Kementerian Kewangan) yang mengandungi pengakuan bahawa;
 - (1) Penyebut harga tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak.
 - (2) Kesemua maklumat tawaran dan lampiran yang dikemukakan adalah benar dan tepat.
- (c) Sekiranya penyebut harga didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok (*withhold*) atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, tawarannya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya.
- (d) Penyebut harga yang berjaya dan telah dilantik secara rasmi oleh pihak Kerajaan juga dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak

(x) PERINGATAN MENGENAI PAKATAN HARGA

Sekiranya didapati penyebut harga terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses perolehan maka tindakan penarikan balik tawaran kontrak, penamatan kontrak dan lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib boleh diambil mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa

(xi) PERTANYAAN

Pertanyaan Mengenai Pelawaan Sebut Harga

Semua pertanyaan mengenai pelawaan hendaklah disalurkan kepada Urus Setia Sebut Harga seperti berikut:

Nama PTJ	:	Pejabat Setiausaha Kerajaan negeri selangor
Alamat PTJ	:	Bahagian Khidmat Pengurusan Pejabat SUK Negeri selangor Tingkat 18, Bangunan SSAAS 40503 Shah Alam

Nama Pegawai : Norisham bin Sharuddin
No. Tel : 03-55447066
E-mel : norisham@selangor.gov.my

Sebarang pertanyaan selepas tarikh tutup sebut harga/ tender tidak akan dilayan.

3.3 SYARAT-SYARAT KHAS

TERMA KONTRAK (JIKA BERKAITAN)

(i) TAFSIRAN

Tawaran ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidangkuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai tawaran ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

(ii) KONTRAK

Semua syarat-syarat yang terkandung di dalam dokumen atau di mana- mana Lampiran yang terdahulu bersama-sama dengan dokumen tawaran ini adalah merupakan sebahagian daripada kontrak yang akan ditandatangani di antara Kerajaan Malaysia dan penyebut harga yang berjaya. Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani kontrak dengan Kerajaan dan membayar segala ganti rugi jika tidak memenuhi syarat- syarat kontrak. Sebarang bantahan kepada syarat-syarat kontrak hendaklah dibuat semasa mengemukakan cadangan tawaran.

(iii) NILAI KONTRAK

- (a) Nilai keseluruhan Kontrak ini adalah sebagaimana dalam Surat Setuju Terima (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Nilai Kontrak") dan bagi maksud Kontrak ini dan tertakluk kepada penyebut harga memenuhi semua terma-terma dan syarat-syarat dalam Kontrak ini, Kerajaan hendaklah sebagai ganjaran kepada pembekalan atau perkhidmatan yang dilaksanakan oleh penyebut harga, membuat pembayaran kepada penyebut harga mengikut Klausula Pembayaran yang telah dipersetujui.
- (b) Pengiraan kepada Nilai Kontrak adalah berdasarkan kepada Jadual Harga yang dinyatakan. Nilai Kontrak yang dinyatakan adalah tetap dan tiada apa-apa kenaikan atau perubahan harga perkhidmatan boleh dibuat oleh penyebut harga kecuali jika telah dipersetujui secara bertulis oleh Kerajaan.
- (c) Kerajaan tidak terikat untuk memenuhi/menggunakan sepenuhnya nilai kontrak (nilai/kuantiti) dalam tempoh kuat kuasa kontrak.

(iv) PENAMATAN KONTRAK OLEH KERAJAAN

- (a) Keingkaran oleh penyebut harga - Dalam keadaan di mana penyebut harga, tanpa sebab-sebab yang munasabah;

- (1) Menghentikan atau menggantung daripada pelaksanaan dan gagal meneruskan pelaksanaan obligasi-obligasinya di bawah kontrak ini secara tetap dan tekun;
- (2) Gagal melaksanakan obligasi di bawah kontrak ini atau mengabaikan obligasi-obligasinya di bawah kontrak ini secara berterusan;
- (3) Melanggar mana-mana obligasinya atau gagal mematuhi mana-mana terma dan syarat kontrak ini,

maka Kerajaan hendaklah memberikan notis bertulis kepada penyebut harga dengan menyatakan butir-butir kegagalannya dan meminta penyebut harga untuk membetulkan atau memperbaiki kegagalan tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam kontrak dari tarikh notis tersebut. Sekiranya penyebut harga gagal membetulkan atau memperbaiki kegagalan tersebut dalam tempoh yang disebutkan atau tempoh lain yang ditentukan oleh Kerajaan, Kerajaan hendaklah berhak untuk menamatkan Kontrak ini pada bila-bila masa selepas memberikan notis penamatan kepada penyebut harga.

- (b) Ingkar Am - Sekiranya pada bila-bila masa dalam tempoh Kontrak;

Jika penyebut harga itu sebagai:

- (1) orang perseorangan (atau apabila penyebut harga itu adalah sebuah perkongsian, mana-mana pekongsi) pada bila-bila masa dalam tempoh kontrak menjadi bankrap atau suatu perintah penerimaan atau perintah penghukuman dibuat terhadapnya atau penyebut harga telah membuat sesuatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah pemiutang-pemiutang; atau
- (2) Sebuah syarikat, pada bila-bila masa dalam tempoh kontrak;
 - (1) satu perintah telah dibuat atau satu resolusi telah diluluskan bagi penggulungan syarikat, kecuali bagi tujuan penyusunan semula atau penyatuan yang tidak melibatkan pencairan aset di mana kepentingan pemiutang adalah terjamin;
 - (2) syarikat dibubarkan atau seorang penerima, pengurus atau penyelesai sementara (*provisional liquidator*) telah dilantik ke atas aset syarikat atau syarikat membuat serah hak untuk manfaat pemiutang atau membuat penyelesaian atau perkiraan dengan pemiutang atau menghentikan pembayaran atau tidak berupaya untuk membayar hutangnya,

maka Kerajaan berhak menamatkan kontrak ini serta-merta dengan memberi notis kepada penyebut harga bagi tujuan tersebut dengan sentiasa bersyarat bahawa penamatan kontrak ini tidak akan menjejaskan hak-hak lain Kerajaan untuk mendapatkan apa-apa ganti rugi yang terakru dalam kontrak ini.

Dalam keadaan di mana kebankrapan atau penggulungan syarikat akan berlaku, penyebut harga mengaku janji untuk memaklumkan Kerajaan dalam masa tiga puluh hari (30) hari

mengenai niatnya untuk diisytiharkan bankrap atau menggulung syarikat. Dalam keadaan tersebut, Pembida hendaklah memberi nasihat kepada Kerajaan mengenai punca-punca lain bagi mendapatkan pembekalan barangan berkenaan.

- (c) Dalam keadaan di mana kontrak ini telah ditamatkan berdasarkan klausa di atas, Kerajaan hendaklah berhak menuntut daripada penyebut harga apa-apa kerugian atau gantirugi akibat daripada penamatan ini dengan tidak menjejaskan apa-apa hak lain yang ada pada Kerajaan di bawah kontrak ini.
- (d) Penamatan tersebut hendaklah tidak menjejaskan atau memprejudiskan hak-hak pihak-pihak yang telah wujud sebelum penamatan kontrak ini dan obligasi-obligasi berkaitan dengan apa-apa tindakan, perkara atau perbuatan yang berlaku sebelum penamatan di bawah kontrak ini hendaklah berterusan walaupun selepas penamatan kontrak ini.

(v) PENAMATAN KONTRAK ATAS KESALAHAN RASUAH, KEGIATAN-KEGIATAN TIDAKSAH ATAU MENYALAHU UNDANG-UNDANG

- (a) Tanpa prasangka kepada apa-apa hak lain Kerajaan, sekiranya pembekal, kakitangan pengkhidmat atau pekerjanya disabitkan oleh Mahkamah terlibat dengan rasuah, aktiviti tidak sah atau apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang yang berkaitan dengan perjanjian ini atau apa-apa perjanjian-perjanjian lain yang dimasuki oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia, Kerajaan hendaklah berhak untuk menamatkan perjanjian ini pada bila-bila masa dengan mengemukakan notis bertulis dengan serta merta kepada pembekal untuk menyatakan sedemikian kepada pembekal.
- (b) Kerajaan berhak menuntut daripada pembekal apa-apa bentuk pampasan, kos, ganti rugi, kerosakan dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Kerajaan akibat daripada penamatan itu.
- (c) Pihak-pihak bersetuju bahawa pembekal tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya akibat daripada penamatan itu.

(vi) PENAMATAN KONTRAK ATAS KEPENTINGAN NEGARA

- (a) Tidak tertakluk kepada mana-mana peruntukan dalam Kontrak ini, Kerajaan berhak menamatkan Kontrak ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari kepada penyebut harga (tanpa perlu memberi apa-apa sebab) sekiranya Kerajaan berpendapat penamatan itu perlu dilaksanakan atas kepentingan negara, kepentingan keselamatan negara atau bagi tujuan polisi Kerajaan atau polisi awam.
- (b) Bagi maksud klausa ini, perkara yang berjumlah kepada "kepentingan negara", "kepentingan keselamatan negara", "polisi Kerajaan" dan "polisi awam" hendaklah diputuskan oleh Kerajaan sahaja dan keputusan itu adalah muktamad dan tidak boleh dicabar.

- (c) Bagi mengelakkan sebarang keraguan, Pihak-Pihak bersetuju bahawa penyebut harga tidak berhak untuk menuntut sebarang kerugian termasuk kehilangan perolehan pendapatan, pampasan, tuntutan, gantirugi atau sebagainya atas penamatan Kontrak ini.

(vii) POTONGAN PEMBAYARAN

Jika bekalan tidak memenuhi spesifikasi, pemotongan bayaran akan dibuat mengikut harga yang dinyatakan oleh pihak penyebut harga di dalam Dokumen Sebut Harga.

(viii) TERMA PEMBAYARAN

Pembayaran bagi semua perkara dan skop kerja yang ditawarkan mestilah dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja. Harga ini mestilah sah laku dalam 90 hari daripada Tarikh tutup tawaran

(ix) BON PELAKSANAAN

- (a) Bagi kontrak bekalan /perkhidmatan, penyebut harga yang berjaya hendaklah mengemukakan Surat Setuju Terima dan Bon Pelaksanaan yang nilainya adalah seperti berikut:
 - (1) 2.5% daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM200 ribu hingga RM500 ribu.
 - (2) 5% daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM500 ribu.
 - (3) Bagi kontrak bermasa yang berkuat kuasa dalam tempoh dua (2) tahun atau lebih, peratus dan pengiraan nilai Bon Pelaksanaan hendaklah dikira mengikut anggaran harga kontrak setahun sahaja. Jika setelah dibahagikan mengikut setahun, nilai harga kontrak adalah kurang daripada RM200 ribu, maka kadar 2.5% hendaklah dikenakan. Walau bagaimanapun, bon pelaksanaan yang dikemukakan oleh pembekal hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak bermasa.
 - (4) Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dari bank-bank atau institusi-institusi kewangan yang dibenarkan oleh Kementerian Kewangan sama ada dalam bentuk:
 - (i) Jaminan Bank/Syarikat Kewangan yang dikeluarkan oleh bank- bank/syarikat kewangan berlesen dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia; atau
 - (ii) Jaminan Bank Islam yang dikeluarkan oleh bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] yang beroperasi di Malaysia;

- (iii) Jaminan Insurans yang dikeluarkan oleh syarikatsyarikat insurans yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia; atau
 - (iv) Jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh Syarikat Takaful yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] yang beroperasi di Malaysia; atau
 - (v) Jaminan yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia (SME Bank).
- (5) Tempoh sah laku jaminan tersebut hendaklah dari tarikh ianya dikeluarkan sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak atau selepas obligasi terakhir, mengikut mana yang terkemudian.
- (6) Bon Pelaksanaan boleh dilepaskan setelah segala obligasi kontrak selesai dan dilaksanakan dengan memuaskan. Surat Pelepasan (*Letter of Discharge*) bagi Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/Jaminan Bank Islam/Jaminan Insurans/ Jaminan Takaful hendaklah dikemukakan kepada Bank/Syarikat Kewangan/Bank Islam/Syarikat Insurans/ Syarikat Takaful. Salinan asal atau satu salinan yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan hendaklah disimpan oleh Agensi sebagai rekod.
- (7) Bon pelaksanaan perlu dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan seperti mana yang dinyatakan dalam Surat Setuju Terima.

(x) DENDA/TOLAKAN/LIQUIDATED ASCERTAINED DAMAGES (LAD)

- (a) Penyebut harga dikehendaki melaksanakan pembekalan barang/perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti bekalan/perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak Kerajaan setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh Kerajaan. Sekiranya penyebut harga gagal melaksanakan pembekalan barang/perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, Kerajaan berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan *Denda/ Tolakan/ *Liquidated & Ascertained Damages* (LAD) mengikut kadar yang termaktub di dalam kontrak.
- (b) Kadar bagi kenaaan LAD untuk bekalan/perkhidmatan (keseluruhan perolehan gagal disempurnakan) adalah seperti berikut:
- (c) Kadar bagi denda untuk bekalan/perkhidmatan (sebahagian perolehan gagal disempurnakan) adalah seperti berikut:

$(BLR + 1\% \text{ Nilai Kontrak} / 365) \times (\text{bilangan hari lewat})$

- (d) Kadar bagi denda untuk perkhidmatan sewaan peralatan:

Perkhidmatan: $A \times B \times C \times 1\%$

A : Nilai sewaan peralatan sebulan.

B : bilangan hari yang lewat.

C : Bilangan peralatan.

- (e) Kerajaan berhak untuk melantik mana-mana pihak ketiga bagi melaksanakan dan menyempurnakan apa-apa tugas atau tanggungjawab yang gagal disempurnakan oleh penyebut harga dalam tempoh yang ditetapkan dengan apa-apa kos yang terlibat ditanggung sepenuhnya oleh penyebut harga.
- (f) Sekiranya Kerajaan mendapati penyebut harga masih gagal meremedikan atau menyempurnakan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab di bawah kontrak ini selepas tempoh yang ditetapkan, Kerajaan adalah berhak untuk menamatkan kontrak ini menerusi satu Notis Penamatan kepada penyebut harga.

(xi) TEMPOH KONTRAK

Tempoh kontrak ini akan berkuatkuasa untuk tempoh selama **Empat (4) Minggu** iaitu bermula dari tarikh yang dinyatakan dalam SST.

(xii) ADDENDA/ PINDAAN

Apa-apa perkara dalam perjanjian ini boleh dipinda dan sebarang perubahan, modifikasi, penambahan, pembatalan atau pindaan hendaklah dipersetujui secara bertulis oleh kedua-dua pihak dan boleh dilakukan dari semasa ke semasa.

(xiii) KERAHSIAAN

- (a) Kecuali dibenarkan secara bertulis oleh Kerajaan, penyebut harga dan kakitangan, pekerja atau ejennya hendaklah pada bila-bila masa tidak mendedahkan kepada mana-mana orang atau badan atau entiti, sebarang maklumat sulit yang dimaklumkan kepadanya bagi tujuan pelaksanaan Kontrak ini atau diketahui olehnya dalam pelaksanaan Kontrak ini. Penyebut harga dan kakitangan, pekerja atau ejennya juga tidak boleh mendedahkan kepada umum sebarang maklumat berkenaan cadangan, penilaian dan pandangan yang timbul daripada pelaksanaan Kontrak ini. Penyebut harga dan kakitangan, pekerja atau ejennya tidak boleh membuat atau menyebabkan sebarang kenyataan media dibuat berkaitan dengan Kontrak ini tanpa kelulusan Kerajaan.
- (b) Semua maklumat termasuk maklumat terperinci dan data-data berkaitan ketenteraan dan maklumat operasi (jika ada) yang dibekalkan oleh Kerajaan berhubung Kontrak ini tidak boleh didedahkan oleh penyebut harga kepada orang lain (pihak ketiga). Penyebut harga adalah bertanggungjawab mematuhi peraturan-peraturan keselamatan yang berkaitan dengan maklumat terperinci yang diuruskan olehnya dan memastikan pengendalian maklumat terperinci tersebut adalah mengikutdarjah keselamatan yang diberi kepadanya.

- (c) Klausa ini hendaklah terus berkuat kuasa walaupun setelah Kontrak ini luput atau ditamatkan atas apa-apa sebab

(xiv) HARTA INTELEK

- (a) Semua hak cipta dan hak harta intelek yang lain bagi barangan yang dibekalkan oleh penyebut harga di bawah Kontrak ini hendaklah menjadi hak Kerajaan dan penyebut harga tidak boleh pada bila-bila masa atau semasa tamat tempoh atau penamatan Kontrak ini dalam apa-apa jua cara sekalipun mempersoal atau mempertikai hak Kerajaan. Hak harta intelek di bawah klausa ini hendaklah terletak pada Kerajaan yang bebas daripada semua lien, tuntutan dan bebanan.
- (b) Penyebut harga hendaklah bertanggungjawab bagi apa-apa tuntutan jika barangan yang dibekalkan melanggar paten, hak cipta atau reka bentuk berdaftar.
- (c) Penyebut harga hendaklah melindungi dan menanggung rugi Kerajaan terhadap apa-apa tuntutan bagi pelanggaran apa-apa paten, hak cipta atau reka bentuk berdaftar berkenaan barangan yang dibekalkan di bawah Kontrak ini dan terhadap semua kos di mana Kerajaan perlu menanggung bagi pelanggaran itu atau mana-mana tindakan yang berkaitan yang perlu bagi Kerajaan bertanggungjawab.
- (d) Jika penggunaan atau pemilikan oleh Kerajaan berkemungkinan membawa kepada apa-apa pelanggaran hak harta intelektual, maka Pembida hendaklah secara serta-merta dan atas tanggungannya sendiri mendapatkan untuk Kerajaan hak untuk terus menggunakan atau memiliki barangan tersebut atau mengubahsuai atau menggantikan barangan tersebut untuk mengelakkan daripada pelanggaran hak harta intelektual (dalam keadaan ini, penyebut harga hendaklah mengganti rugikerugian langsung atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Kerajaan semasa pengubahsuaian atau penggantian itu).
- (e) Jika alternatif-alternatif dalam klausa di atas tidak dapat disempurnakan atas sebab-sebab tertentu, maka penyebut harga hendaklah mengambil balik barangan dan membuat bayaran balik kepada Kerajaan.

(xv) IKLAN

Penyebut harga tidak boleh tanpa kelulusan bertulis Kerajaan terlebih dahulu mengiklankan atau memberi kuasa atau kebenaran kepada mana - mana orang untuk mengiklankan Kontrak ini dalam sebarang akhbar, majalah atau sebarang jenis pengiklanan lain.

(xvi) PENEPIAN

- (a) Kegagalan Kerajaan atau penyebut harga menguatkuasakan mana-mana hak, remedi atau peruntukan di bawah Kontrak ini pada bila-bila masa, tidak akan terjumlah kepada suatu penepian, melainkan ia telah dibuat secara bertulis terlebih dahulu kepada pihak yang satu lagi.
- (b) Sebarang penepian oleh Kerajaan hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah dirujuk, dipersetujui dan ditandatangani oleh Ketua Setiausaha atau pegawai yang diberi kuasa olehnya secara bertulis.

- (c) Sebarang penepian oleh penyebut harga hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah dirujuk, dipersetujui dan ditandatangani oleh penyebut harga atau wakil yang diberikuasa olehnya secara bertulis.

(xvii) KONTRAK KECIL/SUBKONTRAK

- (a) Penyebut harga tidak boleh membuat kontrak kecil/mensubkontrakkan Kontrak ini atau apa-apa bahagiannya kepada mana-mana pihak lain tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Kerajaan.
- (b) Jika Kontrak ini atau mana-mana bahagian daripadanya diberi kontrak kecil/mensubkontrakkan kepada mana-mana pihak lain dengan persetujuan bertulis Kerajaan, penyebut harga bersetuju tanpa syarat untuk terus bertanggungjawab secara berterusan dan secara sendiri dan peribadi bagi memastikan sub-kontraktor mematuhi terma dan syarat dalam Kontrak ini.
- (c) Sebarang isu yang timbul antara penyebut harga dan sub-kontraktor mengenai Kontrak ini atau hal-hal lain adalah di luar tanggungjawab Kerajaan.

(xviii) SERAH ATAU NOVASI

Penyebut harga tidak boleh, tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Kerajaan, menyerahkan hak, memindahkan, menggadai janji, menggadai atau mempertanggungjawabkan kepada pihak ketiga semua atau sebahagian daripada obligasi, manfaat atau liabiliti daripada atau yang mungkin terbit daripada Kontrak ini

(xix) PENYELESAIAN PERTIKAIAN

- (a) Sebarang pertikaian antara pihak-pihak dengan apa-apa perkara di bawah Kontrak ini (kecualiberkaitan dengan Kerajaan menjalankan budi bicara mutlak di bawah Kontrak ini) boleh dirujuk kepada sebuah jawatankuasa penyelesaian pertikaian (dengan ini dirujuk sebagai "Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian") yang terdiri daripada:
 - (1) Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor sebagai Pengerusi atau mana-mana pegawai yang dilantik dan diberikuasa sewajarnya secara bertulis;
 - (2) seorang wakil yang dilantik oleh Kerajaan; dan
 - (3) seorang wakil yang dilantik oleh penyebut harga.
- (b) Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian boleh melantik seorang pakar bebas dalam bidang yang berkaitan atau seorang pakar bebas untuk setiap bidang yang berkaitan (sekiranya terdapat lebih daripada satu bidang) untuk memberikan nasihat ke atas apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya dan segala kos, yuran dan perbelanjaan pakar bebas yang dilantik tersebut akan ditanggung secara sama rata antara kedua-dua Pihak.
- (c) Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian akan menentukan prosedurnya sendiri. Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian hendaklah berusaha

untuk mencapai suatu penyelesaian secara aman antara Pihak-Pihak apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya.

- (d) Sekiranya sebarang perkara, pertikaian atau tuntutan yang dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian tidak boleh dipersetujui oleh Pihak-Pihak yang berkenaan dalam masa tiga puluh (30) hari selepas tarikh rujukan dibuat, mana-mana Pihak boleh merujuk perkara, pertikaian atau tuntutan tersebut kepada timbangtara.
- (e) Setiap ahli Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian termasuk Pengerusi, masing-masing akan mempunyai satu undi.
- (f) Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian akan mengikat Pihak-Pihak.

(xx) TIMBANGTARA

- (a) Dalam keadaan di mana Kerajaan dan penyebut harga gagal menyelesaikan apa-apa pertikaian secara aman, mana-mana pihak boleh merujuk pertikaian ini kepada timbangtara. Rujukan tersebut hendaklah dianggap sebagai persetujuan untuk ke timbangtara di bawah Akta Timbangtara 2005.
- (b) Untuk tujuan timbangtara, klausa-klausa yang berikut hendaklah terpakai:
 - (1) Prosiding timbangtara hendaklah dikendalikan berdasarkan Peraturan-Peraturan Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Regional Arbitration Centre);
 - (2) Satu (1) Penimbangtara akan dilantik oleh Pengarah Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur;
 - (3) Tempat timbangtara dijalankan adalah di Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur menggunakan kemudahan dan sistem yang disediakan di pusat tersebut;
 - (4) Bahasa yang akan digunakan dalam prosiding timbangtara ialah Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris;
 - (5) Undang-undang yang terpakai untuk kontrak ini ialah Undang-undang Malaysia; dan
 - (6) Keputusan penimbangtara adalah muktamad dan mengikat kedua-dua pihak.
- (c) Obligasi pihak-pihak di bawah Kontrak ini hendaklah terus berkuatkuasa walaupun rujukan dibuat kepada timbangtara atau sepanjang tempoh prosiding timbangtara berlangsung.

(xxi) FORCE MAJEURE

- (a) Kerajaan dan penyebut harga tidak akan dikira sebagai memungkirkan sebarang obligasi di bawah Kontrak ini sekiranya ia tidak dapat memenuhi obligasinya di bawah Kontrak ini (atau apa sahaja bahagian

daripadanya) akibat daripada kejadian *Force Majeure* kecuali obligasi untuk membuat sebarang bayaran. Kejadian *Force Majeure* bermaksud:

- (1) Peperangan (sama ada diisytihar atau tidak), pertempuran, penaklukan, tindakan musuh asing;
 - (2) Pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa, perang saudara atau tindakan penganas;
 - (3) Bencana alam semulajadi termasuk, tetapi tidak terhad kepada, gempa bumi, banjir dan kebakaran spontan bawah tanah atau apa-apa kuasa semulajadi yang secara munasabahnyanya seseorang yang berpengalaman tidak dijangka dapat mengambil langkah berjaga-jaga;
 - (4) Letupan nuklear, pencemaran radioaktif atau bahan kimia atau radiasi;
 - (5) Gelombang tekanan disebabkan oleh pesawat atau apa-apa peranti aerial yang bergerak di udarapada kelajuan *sonik* atau *supersonic*;
 - (6) Rusuhan, kekecohan atau kekacauan awam kecuali jika hanya melibatkan pekerja, kakitangan atau ejen penyebut harga; dan
 - (7) Sebab-sebab atau bahaya-bahaya yang lain di luar kawalan pihak-pihak
- (b) Jika kejadian *Force Majeure* tersebut menyebabkan salah satu pihak tidak mampu melaksanakan apa-apa obligasinya di bawah Kontrak ini (atau apa sahaja bahagian daripadanya) yang terjejas akibat daripada kejadian *Force Majeure* tersebut, pihak tersebut hendaklah memaklumkan pihak yang satu lagi dengan segera dalam masa empat belas (14) hari secara bertulis dari tarikh mula berlakunya kejadian *Force Majeure* tersebut dengan butiran terperinci serta kesannya kepada Kontrak ini serta langkah-langkah yang telah diambil bagi mengelakkan sebarang kelewatan.
- (c) Sekiranya penyebut harga ingin memohon sebarang perlanjutan masa, penyebut harga dikehendaki mengemukakan kepada Kerajaan segala bukti yang cukup dan diperlukan tentang kejadian tersebut dan kesannya ke atas tempoh pelaksanaan obligasi di bawah Kontrak ini. Kerajaan berhak untuk menjalankan penyiasatan terhadap kelewatan tersebut dan setelah berpuashati bahawa kelewatan tersebut adalah berpunca dari *Force Majeure* yang sah maka tempoh pelaksanaan obligasi di bawah Kontrak ini akan dilanjutkan selama tempoh yang sama kepada tempoh pelaksanaan obligasi yang diberi di bawah Kontrak ini telah terjejas.
- (d) Jika salah satu pihak mempertimbangkan bahawa kejadian *Force Majeure* tersebut akan bertambah teruk atau akan terus berlanjutan untuk satu tempoh yang akan memberi kesan kepada kegagalan niat asal Kontrak ini, maka pihak-pihak boleh bersetuju bahawa Kontrak ini akan ditamatkan atas persetujuan bersama.

- (e) Jika Kontrak ini ditamatkan akibat kejadian *Force Majeure* berdasarkan klausa di atas, semua hak dan obligasi pihak-pihak di bawah Kontrak ini hendaklah terhenti dan tiada pihak boleh membuat sebarang tuntutan kepada pihak yang satu lagi dan masing-masing tidak bertanggung terhadap satu sama lain melainkan berkaitan apa-apa hak dan liabiliti yang terakru sebelum berlakunya kejadian *Force Majeure* tersebut.
- (f) Tiada pihak berhak menggunakan mana-mana peruntukan dalam klausa ini sekiranya pihak-pihak telah menentukan secara munasabah bahawa kejadian *Force Majeure* tidak berlaku.
- (g) Bagi mengelakkan sebarang keraguan, pihak-pihak akan terus melaksanakan mana-mana obligasi yang tidak terjejas, tertunda atau terganggu oleh kejadian *Force Majeure* dan obligasi tersebut hendaklah terus berkuatkuasa sepenuhnya sementara menunggu pelaksanaan peruntukan klausa ini.
- (h) Dengan syarat sentiasa, klausa ini tidak akan terpakai bagi mana-mana kerosakan jentera atau mesin, pembetulan apa-apa kecacatan atau kekurangan pada jentera atau mesin, kekurangan pekerja atau ejen penyebut harga atau pembetulan proses pelaksanaan obligasi oleh penyebut harga yang dilakukan bagi tujuan Kontrak ini.

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1 Penyediaan sebut harga

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-

- (a) Harga dan tandatangan penyebut harga di Ringkasan Sebut Harga,
- (b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga
- (c) Senarai Kerja Dalam Tangan,
- (d) Jadual Kadar Harga (jika ada),
- (e) Butir-butir Spesifikasi (jika ada)

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan

2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- (a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga serta No. **SH/SUKSEL/36-2026** tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.
- (b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- (c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

3. TEMPOH SIAP KERJA

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi **4 minggu**

4. BAYARAN DOKUMEN SEBUT JARGA

Dokumen Sebut Harga ini dijual dengan harga RM30.00 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh sahaja)

5. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

6. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia

PK 2/2013 Lampiran 2.9

**SENARAI SEMAKAN
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

Sila tandakan ☒ bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Di tanda Oleh Syarikat	Untuk Di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
Sampul A: Sampul Teknikal (Sila tuliskan pada bahagian atas sebelah kiri dengan nombor sebut harga SH/SUKSEL/36-2026 (Teknikal))			
1	Jadual 1 – Jadual Spesifikasi	☐	☐
2.	Jadual 3 – Jadual Pengalaman Syarikat	☐	☐
Sampul A: Sampul Kewangan (Sila tuliskan pada bahagian atas sebelah kiri dengan nombor sebut harga SH/SUKSEL/36-2026 (Kewangan))			
1	Borang Sebut Harga (LAMPIRAN Q)	☐	☐
2	Jadual 2 – Jadual Tawaran Harga	☐	☐
3.	Profil Penyebutharga	☐	☐
4.	Surat Akuan Pembida	☐	☐
4.	Salinan Akuan Pendaftaran Kontraktor Kementerian Kewangan.	☐	☐
5.	Salinan Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera Kementerian Kewangan (jika ada).	☐	☐
6.	Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat (SSM)	☐	☐
7.	Salinan Sijil atau Pengesahan Pendaftaran Kontraktor dalam Sistem Tender Online (STOS) Negeri.	☐	☐
8.	Resit pembelian dokumen sebut harga melalui STOS.	☐	☐
9.	Penyata bulanan bank bagi tiga (3) bulan terakhir Jun, Julai dan Ogos 2026.	☐	☐
10.	Salinan surat pendaftaran cukai barang dan perkhidmatan (SST) (jika syarikat berdaftar SST)	☐	☐

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarikat-syarikat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.	Jawatan Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada).
Tandatangan :	Tandatangan :
Nama :	Nama :
Jawatan :	Jawatan :
Tarikh :	Tarikh :
	Tandatangan :
	Nama :
	Jawatan :
	Tarikh :


**SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR
ASET LOGISTIK DAN OPERASI BENCANA, UNIT
PENGURUSAN BENCANA NEGERI SELANGOR,
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**

NO. SEBUT HARGA : SH/SUKSEL/36-2026

**JADUAL 1:
JADUAL SPESIFIKASI**

BUTIRAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR ASET LOGISTIK DAN OPERASI BENCANA, UNIT PENGURUSAN BENCANA NEGERI SELANGOR, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN		
BIL	ASET LOGISTIK	KUANTITI DIPERLUKAN
1	Gergaji Rantai (Bateri)	2 Unit
2	Gergaji Rantai (Petrol Engine Equipment)	1 Unit
3	Skop Pasir	2 Unit
4	6.5" Cangkul, Hulu Cangkul & Baji (Complete Set)	3 Unit
5	Kereta Sorong (Tahan Lasak / Metal Tray)	2 Unit
6	Topeng Muka (3M 8210 N95)	20 Unit
7	Kerusi Plastik	20 Unit
8	<i>Blower Mudah Alih (Cordless Outdoor Blower)</i>	2 Unit
9	Respirator Set & Filter N95 (3M Standart Comfort Multi Chemical / Multi Gas 6000 Series)	50 Unit
10	<i>Portable Power Station</i>	1 Unit
11	Kasut But Keselamatan	30 Unit
12	10 x 10 Khemah berserta Cetakan Jata Negeri Selangor	2 Unit
13	Meja Lipat (Plastik) 180 CM / 6 Kaki	4 Unit
14	<i>Walkie Talkie</i>	8 Unit
15	<i>Handheld</i> Megafon	1 Unit
16	<i>Lampu Standlight</i>	1 Unit
17	Kon Keselamatan Berlampu	10 Unit
18	<i>Double Sided Solar Barricade Light (LED)</i>	2 Unit
19	Kotak Penyejuk Mudah Alih	1 Unit
20	Baju Keselamatan Coverall berserta Cetakan Jata Negeri Selangor	25 Unit
21	Cermin Mata Keselamatan	25 Unit

CONTOH GAMBAR DAN SPESIFIKASI MEMBEKAL DAN MENGHANTAR ASET LOGISTIK DAN OPERASI BENCANA, UNIT PENGURUSAN BENCANA NEGERI SELANGOR, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

BIL	CONTOH GAMBAR	KETERANGAN SPESIFIKASI
1.		Gergaji Rantai (Bateri) ▪ Saiz: 16 inci ▪ Panjang: 838mm ▪ Bateri: M18 Redlithium-Ion ▪ Voltan: 18V ▪ <i>Fuel Gauge</i>: Ada ▪ LED Light: Tiada ▪ Kelajuan Tanpa Beban: 12.4 m/s ▪ Berat: 6.4Kg (Bateri 12.0 Ah) ▪ Panjang Bar Rantai: 406mm ▪ <i>Pitch Rantai</i>: 3/8" Low Profile ▪ <i>Lock - off Button</i>: Ada
2.		Gergaji rantai (Petrol Engine Equipment) ▪ Saiz: 20 inci ▪ Isipadu Silinder: 55.5 cm³ ▪ Kuasa <i>Output</i>: 2.6 kW ▪ Kelajuan Kuasa Maksimum: 9000 RPM ▪ Kelajuan Melahu (<i>Idling Speed</i>): 2700 RPM ▪ Palam Pencucuh: Ada. ▪ Penggunaan Bahan Api: 407 g/kWh /1.04 kg/jam


BIL	CONTOH GAMBAR	KETERANGAN SPESIFIKASI
3.		Skop Pasir Panjang: 98cm <i>Flat Plate:</i> 27cm X 23cm <i>Sharp Plate:</i> 28cm X 22cm
4.		6.5" Cangkul, Hulu Cangkul & Baji Spesifikasi cangkul standard merangkumi komponen utama seperti mata cangkul daripada besi atau keluli tempa dan pemegang (hulu) daripada kayu keras atau besi.

BIL	CONTOH GAMBAR	KETERANGAN SPESIFIKASI
5.		Kereta Sorong (Metal Tray / Tahan Lasak) ▪ Rangka (Frame): Paip keluli kukuh yang dikimpal kemas dan dicat anti-karat untuk menampung tekanan berat semasa menolak atau mengangkat. ▪ Bahan Dulang (Tray): Diperbuat daripada logam/keluli bertetulang (reinforced steel) yang tebal. ▪ Mampu menampung beban dari 180kg hingga 300kg. ▪ Jenis Tayar: Air Filled (<i>Pneumatic, Solid / Flat Free (PU Tyre)</i>).
6.	 3M Safety Official Store MS SIRIM JAKIR/20012 01/000331 Made in Singapore JAKIR/20012 01/000339 Made in Korea WARNING This respirator helps protect against certain particles. However, it may not protect against all hazards. For proper use, see instructions or consult your safety officer. 3M 8210 ≥ 95% Filtration Efficiency Standard N95 ☞ x 20	Topeng Muka Pelindung ▪ Jenis: Respirator pakai buang (<i>Disposable</i>) Standard N95 ▪ Fungsi: Perlindungan penafasan terhadap habuk halus, partikel bawaan udara dan aerosol tertentu ▪ Tahap Penapisan: 95% ▪ Standard: Memenuhi Standart NIOSH N95

BIL	CONTOH GAMBAR	KETERANGAN SPESIFIKASI
7.		Kerusi Plastik Tahan Lasak Kerusi untuk kegunaan pelbagai ▪ Bahan (Material): Plastik polipropilena tebal atau gred <i>heavy-duty</i> yang tidak mudah retak. ▪ Berat Kerusi: Sekitar 2.5 kg hingga 3.5 kg seunit (cukup kukuh dan tidak terlalu ringan). ▪ Kapasiti Bebanan: Mampu menampung berat badan sehingga 120 kg atau lebih.
8.		Blower Mudah Alih Blower berkuasa tinggi untuk kerja pembersihan luar bangunan, kawasan industri dan tapak pembinaan Sistem Kuasa: Sistem bateri Ciri Produk: Sistem tanpa wayar (<i>cordless</i>) untuk mobiliti tinggi dan kemudahan operasi ▪ Voltage 18V ▪ Max. Air Volume (m³/min) 14.2 Max. ▪ Air Flow Speed (km/h) 193 ▪ Blowing Force (N) 12.2 ▪ Noise rating (dB) 92.6 ▪ Lock On Button Yes ▪ Weight w/ 12.0Ah ▪ Battery Pack (kg) 4.3

BIL	CONTOH GAMBAR	KETERANGAN SPESIFIKASI
9.		Set Respirator & Penapis (3M <i>Standard Comfort Multi-Chemical / Multi-Gas 6000 Series</i>) Respirator boleh guna semula (reusable respirator set) untuk perlindungan pernafasan. Komponen Set 1. Cartridge / Filter: 3M 6059 Multi-Gas ABEK1 Cartridge (2 unit / 1 pair) 2. Penapis Partikel: 3M 5935 Filter (2 unit / 1 pair) 3. Pemegang Penapis: 3M 501 Filter Holder (2 unit / 1 pair) 4. Persijilan: CE & SIRIM approved (6059 & 5935) Aplikasi Penggunaan: Sesuai untuk persekitaran campuran bahan kimia, pengendalian asid, makmal, semburan disinfektan, serta kerja tertentu racun perosak & herbisid
10.		Stesen Kuasa Mudah Alih (<i>Portable Power Station</i>) ▪ Masa Pengecasan: Pengecasan ultra pantas: 0–100% dalam 56 minit (AC 1500W input) ▪ Kelajuan Pengecasan: 80% dalam 40 minit, 100% dalam 56 minit (AC input) ▪ Pengecasan Solar: 80% dalam 1 jam, 100% dalam 70 minit ▪ Output Kuasa: Up to 2400W, mampu menyokong sehingga 99% peralatan rumah ▪ Kapasiti Penggunaan: Boleh membekalkan kuasa kepada sehingga 11 peranti serentak ▪ Ciri Aplikasi: Amaran ribut & gangguan kuasa (12 jam), notifikasi bateri rendah, dashboard penggunaan ▪ Jenis Bateri: LiFePO4 (LFP) battery cells

BIL	CONTOH GAMBAR	KETERANGAN SPESIFIKASI
11.		Kasut But Keselamatan ▪ Standart Keselamatan: S5 rated mengikut EN ISO 20345:2022 (S5 SR FO LG) ▪ 100% kalis air ▪ Material: PVC berkualiti tinggi, mudah dibersihkan ▪ Tapak Kasut: Fire-resistant ▪ Saiz: akan ditentukan kemudian 37 - 47 (EUR)
12.		Khemah 10 x 10 Berserta Cetakan Jata Negeri Selangor ▪ Warna Kanvas: Biru ▪ Saiz: 10 x 10 ▪ Rangka yang kukuh dan tahan lasak ▪ Kemasan: Anti UV, anti <i>mild dew</i> (kalis kulat/kelembapan). ▪ Jata Negeri Selangor

BIL	CONTOH GAMBAR	KETERANGAN SPESIFIKASI
13.		Meja Lipat (Plastik) ▪ Warna: Hitam. ▪ Saiz: 6 ft (180cm). ▪ Rangka besi keluli dan tahan karat. ▪ Kukuh, tahan lasak dan sesuai untuk kegunaan sederhana hingga berat.
14.		Walkie Talkie ▪ Produk: Radio Komunikasi VHF Mudah Alih (<i>Handheld VHF Radio</i>) ▪ Teknologi <i>Bluetooth Wireless Technology</i> untuk sambungan ke telefon bimbit bagi memastikan telefon kekal selamat dan kering ▪ <i>Rewind-Say-Again</i> membolehkan ulang siar semula panggilan VHF yang terlepas ▪ 6 Watt VHF dengan pilihan 1W, 3W dan 6W untuk jarak komunikasi pendek dan jauh

BIL	CONTOH GAMBAR	KETERANGAN SPESIFIKASI
15.		Handheld Megafon (Hailer) ▪ Bluetooth Power Megaphone Loud Hailer ▪ High-performance handy power megaphone. ▪ Power source: Rechargeable Battery (included) ▪ Wide audible range. ▪ Easy to operate with Siren and Record functions. ▪ Built-in Microphone with trigger. ▪ Built-in Transistor circuit. ▪ Portable to carry with shoulder type strap. ▪ Specification: ▪ Playback Source: USB port 2.0 ▪ Built-in Alert Siren ▪ Support AUX 3.5mm Jack ▪ Support SD/MMC Card Slot ▪ Rate Output: 30 Watt ▪ Maximum Output: 50 Watt ▪ Voice Range Distance: up to 1 KM ▪ Power Source: Rechargeable Battery (include) / can use 8pcs Normal Battery C size ▪ 8~10 hrs battery life (non-stop use) ▪ Microphone and others: ABS resin ▪ Strap: Nylon, Black ▪ Weight: 1.3kg (with body and batteries)
16.		Lampu Standlight ▪ Lampu kerja mudah alih untuk kegunaan tapak pembinaan dan kerja penyelenggaraan ▪ Kepala lampu boleh berputar 210° dan berpusing (pivot) 270° untuk pencahayaan pelbagai arah ▪ 3 tahap ketinggian: 90cm, 127cm dan 173cm ▪ Boleh dipasang dalam masa 5 saat ▪ Mod Operasi : 2 Mod ▪ Tempoh Operasi : 10 jam (kuasa tinggi) / 4 jam (kuasa tinggi) menggunakan bateri 6.0Ah

BIL	CONTOH GAMBAR	KETERANGAN SPESIFIKASI
17.		Kon Keselamatan Berlampu ▪ Multi-purpose Pop Up Cone (boleh lipat / mudah alih) ▪ 3 mod pencahayaan ▪ Digunakan untuk kawalan trafik, keselamatan jalan dan kawasan kerja ▪ Reka bentuk pop-up mudah dipasang dan disimpan, mudah dibawa (portable)
18.		Double Sided Solar Barricade Light ▪ Panel solar: 5.5V 0.3V ▪ Bateri: 3.7V 2300mAh ▪ Tahap perlindungan: IP65 (kalis cuaca / weatherproof) ▪ Sarung (casing) PC berkualiti tinggi, lutsinar, tahan hentakan ▪ Kalis air, boleh beroperasi dalam keadaan hujan ▪ Julat kelipan (blinking range) jauh dan jelas

BIL	CONTOH GAMBAR	KETERANGAN SPESIFIKASI
19.		Kotak Penyejuk Mudah Alih (<i>Heavy Duty</i>) - Kapasiti: 45 Liter - Dimensi: (L x W x H in mm): 550 x 370 x 430 - Mudah dialihkan dengan roda berkualiti tinggi - Kukuh, tahan lasak dan mampu menampung beban berat - Pemegang boleh tarik (<i>retractable handle</i>)
20.		Baju Keselamatan Coverall Berserta Cetakan Logo Negeri Selangor 100% Cotton Treated 215GSM - Saiz: S - 5XL - Penyusutan air 2-3% - EN ISO 11612: 2008 - EN ISO 11611: 2007 - EN ISO 15025: 2000 - Warna: Biru - Dicetak Jata Negeri Selangor
21.		Cermin Mata Keselamatan - Sirim Dosh Certified Protective Safety Glasses - Lens Material: Polycarbonate - Arm Material: Polycarbonate & Rubber - Safety Guard - Rubber temple tips - PPE- Personal Protective Equipment - Sportwrap Design - PC Lense 100% UV protection - SIRIM tested

**SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR
ASET LOGISTIK DAN OPERASI BENCANA, UNIT
PENGURUSAN BENCANA NEGERI SELANGOR,
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**

NO. SEBUT HARGA : SH/SUKSEL/36-2026

**4 : - JADUAL 2:
JADUAL TAWARAN HARGA**

JADUAL 2: JADUAL TAWARAN HARGA

**SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR ASET LOGISTIK DAN OPERASI
BENCANA, UNIT PENGURUSAN BENCANA NEGERI SELANGOR, BAHAGIAN KHIDMAT
PENGURUSAN - SH/SUKSEL/36-2026**

BIL	ASET LOGISTIK	KUANTITI (A)	HARGA SEUNIT (RM) (B)	JUMLAH (RM) (C)
1	Gergaji Rantai (Bateri)	2 Unit		
2	Gergaji Rantai (Petrol Engine Equipment)	1 Unit		
3	Skop Pasir	2 Unit		
4	6.5" Cangkul, Hulu Cangkul & Baji (Complete Set)	3 Unit		
5	Kereta Sorong (Tahan Lasak / Metal Tray)	2 Unit		
6	Topeng Muka (3M 8210 N95)	20 Unit		
7	Kerusi Plastik	20 Unit		
8	Blower Mudah Alih (Cordless Outdoor Blower)	2 Unit		
9	Respirator Set & Filter N95 (3M Standart Comfort Multi Chemical / Multi Gas 6000 Series)	50 Unit		
10	Portable Power Station	1 Unit		
11	Kasut But Keselamatan	30 Unit		
12	10 x 10 Khemah berserta Cetakan Jata Negeri Selangor	2 Unit		
13	Meja Lipat (Plastik) 180 CM / 6 Kaki	4 Unit		
14	Walkie Talkie	8 Unit		
15	Handheld Megafon	1 Unit		
16	Lampu Standlight	1 Unit		
17	Kon Keselamatan Berlampu	10 Unit		
18	Double Sided Solar Barricade Light (LED)	2 Unit		
19	Kotak Penyejuk Mudah Alih	1 Unit		
20	Baju Keselamatan Coverall berserta Cetakan Jata Negeri Selangor	25 Unit		
21	Cermin Mata Keselamatan	25 Unit		
JUMLAH KESELURUHAN HARGA (A + B + C)				
SST 8% (JIKA ADA)				
JUMLAH BESAR (RM)				

JADUAL 2: JADUAL TAWARAN HARGA

1. Tempoh melaksanakan kerja dari tarikh diarahkan : **4 minggu**.
2. Semua bekalan hendaklah mengikut spesifikasi **teknikal dan piawaian keselamatan serta keperluan yang ditetapkan**
3. Segala urusan yang melibatkan pihak berkuasa hendaklah **diuruskan sendiri oleh pihak pembekal** dan segala kos hendaklah dimasukkan ke dalam harga di atas (sekiranya perlu).
4. Semua peralatan dan aset yang dibekalkan hendaklah baharu, berkualiti tinggi, tahan lasak serta sesuai digunakan dalam situasi kecemasan dan bencana.
5. Penyebut Harga hendaklah memastikan semua bekalan adalah bebas daripada sebarang kecacatan dan berfungsi dengan baik semasa penghantaran.
6. Jaminan (warranty) hendaklah disediakan ke atas semua aset / peralatan yang dibekalkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Pembekal bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kualiti dan prestasi bekalan.
7. Sekiranya terdapat sebarang kerosakan, kecacatan atau ketidakpatuhan spesifikasi, pihak Jabatan berhak untuk menolak, memulangkan atau meminta penggantian terhadap bekalan tersebut tanpa sebarang kos tambahan.
8. Perkara yang **WAJIB** disediakan dan dikemukakan semasa penyerahan sebut harga adalah seperti berikut:
 - i. Dokumen sokongan teknikal / katalog produk
 - ii. Sijil pematuhan / standard (jika berkaitan)
 - iii. Jadual penghantaran
9. Penyebut Harga perlu mengambil kira bahawa semua bekalan **perlu disiapkan dengan sempurna dan lengkap**. Sebarang tuntutan pertambahan harga selepas tawaran dikemukakan **tidak akan dipertimbangkan**.
10. Harga yang dinyatakan hendaklah boleh diterima pakai selama **3 bulan** dari tarikh tutup sebut harga
11. Penyebut harga hendaklah menghantar peralatan aset / peralatan tersebut pada tarikh yang telah ditetapkan serta lokasi yang telah dipersetujui oleh Jabatan.

Nota:

Harga yang ditawarkan mestilah:

- i. Dalam Ringgit Malaysia (RM);
- ii. Mengambil kira kesemua skop pembekalan aset dan peralatan logistik bencana termasuk penghantaran, pemasangan (jika berkaitan), pengujian, pentauliahan (commissioning), pembaharuan lesen, khidmat sokongan dan penyelenggaraan serta latihan penggunaan (jika perlu) seperti yang ditetapkan dalam dokumen sebut harga ini;

JADUAL 2: JADUAL TAWARAN HARGA

- iii. Harga bersih hendaklah merangkumi semua kos termasuk kos pembekalan, pengangkutan, penghantaran ke lokasi, pemunggahan, pemasangan, pengujian, jaminan (warranty), cukai serta apa-apa kos berkaitan lain kecuali bagi item pakai habis (consumables) yang dinyatakan secara berasingan;
- iv. Bagi peralatan kritikal seperti generator, sistem komunikasi (contoh: walkie talkie), peralatan pencahayaan kecemasan, khemah dan peralatan sokongan bencana, harga hendaklah termasuk aksesori lengkap, peralatan tambahan yang diperlukan untuk operasi serta manual pengguna;
- v. Penyebut Harga hendaklah memastikan semua aset dan peralatan yang dibekalkan adalah sesuai untuk penggunaan dalam situasi kecemasan dan bencana, tahan lasak serta mampu beroperasi dalam persekitaran yang mencabar;
- vi. Tiada sebarang tuntutan kos tambahan akan dipertimbangkan selepas penyerahan sebut harga sekiranya melibatkan perkara yang telah diambil kira dalam skop pembekalan.

Jumlah Dalam Perkataan (Ringgit Malaysia):

.....

Bertarikh pada hb..... 2026

.....
(Tandatangan Peyebutharga)

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh:

Nama Penuh:

No.K.P.:

No.K.P.:

Jawatan:

Jawatan:

Cap Syarikat:

Cap Syarikat:

Alamat:

Alamat :

**SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR
ASET LOGISTIK DAN OPERASI BENCANA, UNIT
PENGURUSAN BENCANA NEGERI SELANGOR,
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**

NO. SEBUT HARGA : SH/SUKSEL/36-2026

**5 : - JADUAL 3:
JADUAL PENGALAMAN
PEMBEKAL**

JADUAL 3: JADUAL PENGALAMAN PEMBEKAL

**SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR ASET LOGISTIK DAN
OPERASI BENCANA, UNIT PENGURUSAN BENCANA NEGERI SELANGOR,
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN - SH/SUKSEL/36-2026**

- a) Senaraikan projek/pembekalan yang berkaitan dengan skop kerja sebut harga ini dalam tempoh 3 tahun lalu:
- a) Sila lampirkan dokumen sokongan seperti salinan SST, salinan pesanan tempatan (Local Order) atau lain - lain.

Bil.	Jabatan/ Agensi	Nama Projek	Nilai (RM)	Tempoh Projek	Tarikh Projek (Mula - Akhir)


Nota: Sila gunakan lampiran kertas berasingan sekiranya ruang tidak mencukupi

**SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR
ASET LOGISTIK DAN OPERASI BENCANA, UNIT
PENGURUSAN BENCANA NEGERI SELANGOR,
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**

NO. SEBUT HARGA : SH/SUKSEL/36-2026

6 : - PROFIL PENYEBUTHARGA

PROFIL PENYEBUT HARGA



No. Sebut Harga: SH/SUKSEL/36-2026

KOD PENYEBUT HARGA

1. Borang ini hendaklah diisi dengan lengkap secara bertaip supaya memudahkan Lembaga Perolehan menimbangkan sebut harga ini. Kegagalan penyebut harga melengkapkan borang ini dengan sempurna akan menjejaskan peluangnya di dalam sebut harga ini.
2. Jangan gunakan atau merujuk kepada lampiran lain, kecuali diminta di ruangan berkenaan. Walau bagaimanapun, jika ruangan tidak mencukupi, borang ini boleh dicetak semula berdasarkan format asalnya.

BIL	PERKARA	BUTIRAN
1.	Nama Syarikat	
2.	Jenis Syarikat	Persendirian/Perkongsian/Koperasi/Sdn Bhd
3.	Alamat Syarikat	
4.	Pegawai untuk Dihubungi	Nama: No. Telefon: Email:
5.	Pendaftaran Syarikat dengan SSM atau Pendaftaran Koperasi dengan SKM (jika berkaitan)	
	5.1 No. Pendaftaran	
	5.2 Tempoh Sah Laku	
6.	Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (jika berdaftar)	
	6.1 No. Pendaftaran	
	6.2 Tempoh Sah Laku	
	6.3 Kod Bidang	
	6.4 Taraf Syarikat	Bumiputera / Bukan bumiputera
	6.5 Tempoh Sah Laku Taraf Bumiputera (jika ada)	

BIL	PERKARA	BUTIRAN
7.	Pendaftaran Cukai Jualan dan Perkhidmatan (CJP) dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (jika berdaftar)	
	7.1 No. Pendaftaran	
	7.2 Tarikh Kuat Kuasa	
8.	Bilangan Pekerja Sekarang	orang
9.	Bilangan Pekerja Teknikal (<i>Cadangan bagi melaksanakan kontrak, jika berjaya kelak</i>)	orang
10.	Modal Berbayar	RM
11.	Modal Dibenarkan	RM
12.	Kedudukan Kewangan Semasa	<i>Contoh: Rumah Kedai – 1 unit</i>
	12.1 Harta (Aset) Syarikat (<i>Senaraikan 5 aset yang terbesar</i>)	1. 2. 3. 4. 5.
	12.2 Peralatan (<i>Nyatakan nilai dan senaraikan 5 sahaja peralatan yang berkaitan dengan sebut harga ini.</i>)	<i>Contoh: Kereta Perdana V6 (2002) – RM40,000.00</i> 1. 2. 3. 4. 5.
	12.3 Tanggungan / Liabilities	
	12.4 Baki wang dalam Bank (lampirkan penyata bank 3 bulan terakhir - Jun, Jul & Ogos 2026)	RM

* Potong yang mana tidak berkenaan

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

**SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR
ASET LOGISTIK DAN OPERASI BENCANA, UNIT
PENGURUSAN BENCANA NEGERI SELANGOR,
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**

NO. SEBUT HARGA : SH/SUKSEL/36-2026

7 : - SURAT AKUAN PEMBIDA

SURAT AKUAN PEMBIDA BAGI

SEBUT HARGA MEMBEKAL ASET LOGISTIK DAN OPERASI BENCANA, UNIT PENGURUSAN BENCANA NEGERI SELANGOR, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

NO. SEBUT HARGA : SH/SUKSEL/36-2026

Saya, nombor K.P. yang mewakili
..... nombor Pendaftaran dengan ini
mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Bahagian Khidmat
Pengurusan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor** atau mana-mana individu lain, sebagai
sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama-sama ini
dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas
untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana dalam **Bahagian Khidmat Pengurusan
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor** mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih
dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju
tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau
mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih
dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera
melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah
Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
NAMA
(K/P)

Cop Syarikat :

Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan

**SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR
ASET LOGISTIK DAN OPERASI BENCANA, UNIT
PENGURUSAN BENCANA NEGERI SELANGOR,
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**

NO. SEBUT HARGA : SH/SUKSEL/36-2026

**LAMPIRAN 1: SALINAN SIJIL AKUAN PENDAFTARAN
SYARIKAT DARI KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

- Sila lampirkan -

**SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR
ASET LOGISTIK DAN OPERASI BENCANA, UNIT
PENGURUSAN BENCANA NEGERI SELANGOR,
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**

NO. SEBUT HARGA : SH/SUKSEL/36-2026

**LAMPIRAN 2: SALINAN SIJIL AKUAN BUMIPUTERA DARI
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

- Sila lampirkan -

**SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR
ASET LOGISTIK DAN OPERASI BENCANA, UNIT
PENGURUSAN BENCANA NEGERI SELANGOR,
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**

NO. SEBUT HARGA : SH/SUKSEL/36-2026

**LAMPIRAN 3: SALINAN SIJIL SURUHANJAYA SYARIKAT
MALAYSIA (SSM)**

- Sila lampirkan -

**SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR
ASET LOGISTIK DAN OPERASI BENCANA, UNIT
PENGURUSAN BENCANA NEGERI SELANGOR,
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**

NO. SEBUT HARGA : SH/SUKSEL/36-2026

**LAMPIRAN 4: SALINAN SIJIL/PENGESAHAN PENDAFTARAN
KONTRAKTOR DALAM SISTEM TENDER ONLINE SELANGOR
(STOS)**

- Sila lampirkan -

**SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR
ASET LOGISTIK DAN OPERASI BENCANA, UNIT
PENGURUSAN BENCANA NEGERI SELANGOR,
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**

NO. SEBUT HARGA : SH/SUKSEL/36-2026

**LAMPIRAN 6: SALINAN PENYATA BULANAN AKAUN BANK BAGI
TIGA (3) BULAN TERAKHIR**

- Sila lampirkan -

Jun 2026	Baki Akhir (RM) : _____
Julai 2026	Baki Akhir (RM) : _____
Ogos 2026	Baki Akhir (RM) : _____

**SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR
ASET LOGISTIK DAN OPERASI BENCANA, UNIT
PENGURUSAN BENCANA NEGERI SELANGOR,
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**

NO. SEBUT HARGA : SH/SUKSEL/36-2026

**LAMPIRAN 7: SALINAN SURAT PENDAFTARAN CUKAI JUALAN
& PERKHIDMATAN (CJP) / SALES & SERVICE TAX
(SST) (JIKA BERDAFTAR)**

-Sila lampirkan -